



**INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

---

**PANDUAN PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN**

## KANDUNGAN

	MUKA SURAT
TUJUAN	3
LATAR BELAKANG	3
PRESTASI EPSA® ATAU PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN	3
OBJEKTIF PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN	4
PRASYARAT PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN	5
PERTANYAAN	8

## **TUJUAN**

1. Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kementerian, jabatan, agensi dan Institut Latihan Awam (ILA) berhubung dengan Pembangunan Pembelajaran Secara Dalam Talian.

## **LATAR BELAKANG**

2. Secara umumnya, terdapat berapa kaedah penyampaian latihan atau kursus iaitu secara fizikal, secara dalam talian atau hibrid (kombinasi antara secara fizikal dan secara dalam talian). Walau bagaimanapun pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan memerlukan pengurus latihan atau kursus menggunakan pelbagai kaedah dalam penyampaian latihan atau kursus.

3. Justeru, pembelajaran secara dalam talian merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam penyampaian latihan atau kursus. Pembelajaran secara dalam talian juga selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan lagi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pembelajaran berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan penjawat awam.

4. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambil inisiatif dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian melalui Sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA®) sejak tahun 2007. Sistem EPSA® ini membolehkan penjawat awam mengikuti latihan atau kursus secara dalam talian tanpa perlu hadir secara fizikal di mana-mana institusi latihan.

## **PRESTASI EPSA® ATAU PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN**

5. Sehingga kini terdapat 192 modul pembelajaran secara dalam talian telah dimuat naik ke dalam Sistem EPSA®. Modul-modul tersebut adalah dalam bidang Audit, Bahasa, Dasar dan Governan, Etika dan Integriti, Hal Ehwal Islam, Kejuruteraan, Kepimpinan, Keselamatan, Kesihatan, Komunikasi dan

Perundingan, Pembangunan Kendiri, Pendidikan, Penguatkuasaan, Pengurusan Ekonomi, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Kualiti, Pengurusan Projek, Pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran Tanah, Penyelidikan, Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Pertanian dan Industri Asas Tani, Perundangan, Standard dan Kawalan Dokumen, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Rujukan.

6. Dari segi kepenggunaan atau langganan, sehingga 31 Disember 2021 seramai 744,404 penjawat awam telah mendaftar dalam Portal EPSA®. Penggunaan EPSA meningkat secara mendadak semenjak pandemik Covid-19 melanda negara dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

7. Justeru, kaedah pembelajaran secara dalam talian menjadi pilihan penjawat awam memandangkan ia diambil kira sebagai jam berkursus sebagaimana yang ditetapkan dalam dasar latihan jabatan/agensi. Berdasarkan kepada senario semasa ini, jabatan/agensi boleh mengambil inisiatif melaksanakan pembelajaran secara dalam talian sebagai salah satu kaedah penyampaian latihan atau kursus jabatan/agensi.

#### **OBJEKTIF PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN**

8. Objektif pembangunan pembelajaran secara dalam talian adalah seperti yang berikut:

- a. menyediakan kaedah latihan alternatif yang kreatif dan inovatif bagi menyokong pelaksanaan dasar latihan jabatan/agensi kerajaan;
- b. menggalakkan pembelajaran berterusan (*continuous learning*) pada bila-bila masa di mana sahaja dan pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*) ke arah meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif penjawat awam;

- c. meningkatkan kolaborasi perkongsian input modul latihan dalam kalangan jabatan/agensi kerajaan untuk faedah penjawat awam; dan
- d. menjimatkan kos operasi jabatan/agensi kerajaan secara agregat khususnya bagi makan minum, kemudahan tempat tinggal, bilik latihan, bayaran sugu hati penceramah, tuntutan perjalanan dan sebagainya.

## **PRASYARAT PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN**

9. Antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan pembelajaran secara dalam talian adalah seperti yang berikut:

a. **Peranan Pengurusan Atasan**

Pengurusan atasan boleh menetapkan sekurang-kurangnya satu modul (kandungan) yang bersesuaian dengan fungsi jabatan/agensi untuk dibangunkan sebagai modul pembelajaran secara dalam talian.

b. **Modul/Kandungan Pembelajaran Secara Dalam Talian**

Pembangunan modul pembelajaran secara dalam talian perlu diteliti oleh jabatan/agensi masing-masing. Ini kerana setiap jabatan/agensi mempunyai kompetensi fungsian yang berbeza. Justeru, jabatan/agensi perlu mengenal pasti bidang, tajuk, skop dan kandungan yang bersesuaian selaras dengan fungsian jabatan/agensi. Modul bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan tugas pegawai seperti Penulisan Minit Mesyuarat, Pengurusan Stor, Pengurusan Pelanggan, Tatacara Penyediaan MyPortfolio dan modul tentang teori, konsep atau amalan, contohnya seperti Nilai dan Etika, Negara Bangsa, Pengurusan Masa, Pengurusan Kualiti dan lain-lain juga boleh dibangunkan bagi meningkatkan pemahaman dan pengamalannya dalam kalangan anggota jabatan/agensi. Selanjutnya, kandungan pembelajaran juga perlu diteliti dari semasa ke semasa agar ianya sentiasa kemaskini dan relevan mengikut peredaran masa.

c. **Pemilihan Kaedah Pengajaran**

Pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian amat penting bagi menjadikan pembelajaran secara dalam talian lebih menarik dan berkesan. Justeru, jabatan/agensi boleh menggunakan aplikasi-aplikasi dalam talian dalam pembangunan pembelajaran, namun ia perlu mematuhi Garis Panduan Pembangunan Bahan Kursus EPSA®. Melalui kaedah ini, pengguna/pelanggan akan merasa teruja apabila mengakses modul pembelajaran secara dalam talian yang bukan sahaja memberi pengetahuan malah memberi pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan. Selain itu, aktiviti menguji atau menilai tahap kefahaman peserta juga boleh dilakukan melalui latih amal, kuiz, ujian dan lain-lain yang disertakan dalam sesuatu modul pembelajaran secara dalam talian.

d. **Penyelaras Pembangunan Pembelajaran Secara Dalam Talian**

Bagi memudahkan pembangunan pembelajaran secara dalam talian, Bahagian Khidmat Pengurusan atau Bahagian Pengurusan atau Bahagian Sumber Manusia boleh bertindak sebagai penyelaras bagi melancarkan pelaksanaan inisiatif ini di jabatan/agensi masing-masing.

e. **Penentuan Platform atau Sistem Pembelajaran Secara Dalam Talian**

Jabatan/agensi boleh menggunakan platform atau sistem e-pembelajaran masing-masing dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian (sekiranya ada) atau memohon menggunakan platform atau sistem EPSA INTAN bagi menempatkan modul pembelajaran secara dalam talian jabatan/agensi.

**f. Tatacara Penggunaan Sistem Pembelajaran Secara Dalam Talian**

Jabatan/agensi hendaklah menguar-uarkan tentang tatacara penggunaan sistem pembelajaran secara dalam talian kepada semua anggota agensi.

**g. Laporan Status Pembelajaran Secara Dalam Talian**

Laporan status pembelajaran secara dalam talian boleh dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat berkala jabatan/agensi, misalnya dalam Mesyuarat Pengurusan jabatan/agensi bagi membolehkan jabatan/agensi memantau kemajuan dan pencapaian pembelajaran secara dalam talian dan latihan anggota organisasi secara berkala dan menyeluruh.

**h. Pengemaskinian Status Pembelajaran**

Sekiranya pegawai telah berjaya melengkapkan modul pembelajaran secara dalam talian, pegawai perlu mengemas kini status tersebut dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) melalui pautan Program Pembangunan Kompetensi. Selanjutnya, pihak Pengurusan Sumber Manusia boleh memantau prestasi latihan anggota jabatan/agensi secara *hands-on* bagi mencapai dasar latihan jabatan/agensi.

**i. Galakan dan Pengiktirafan**

Jabatan/agensi hendaklah memberi galakan kepada anggota organisasi dalam menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian sebagai satu kaedah alternatif dalam mencapai matlamat dasar latihan jabatan/agensi. Selain itu, jabatan/agensi boleh memberikan pengiktirafan kepada anggota yang aktif dalam melaksanakan sesi

pembelajaran secara dalam talian. Pengiktirafan ini boleh ditentukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) jabatan/agensi.

## **PERTANYAAN**

10. Sebarang pertanyaan berhubung dengan panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Kluster  
Kluster Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC)  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
Kampus Utama, Bukit Kiara, Jalan Bukit Kiara  
50480 Kuala Lumpur  
Malaysia.  
No. Tel: 03-2084 7557  
No. Faks: 03-2084 7692  
E-mel: [info.imatec@intanbk.intan.my](mailto:info.imatec@intanbk.intan.my)

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
16 Jun 2022